



جَبَاتَانِ هَالِ اَهْوَالِ اِغَامَا اِيسْلَامِ نَغَرِي سَابَاهِ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

اِخْطَبَةُ الْجُمُعَةِ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

2 SAFAR 1448H/17 JULAI 2026M

“BULAN SAFAR: MEMPERKUKUH AKIDAH, MEMPERTEGUH UMMAH”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU :

- » Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah Jumaat menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi Khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- » Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu Khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- » Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Kariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- » Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- » Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang terkandung di dalamnya.
- » Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak kod QR ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ فَتُصِبْحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ .

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَىٰ حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT SEKALIAN,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, iaitu dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Ketakwaan merupakan sebaik-baik bekalan menuju kehidupan akhirat. Mudah-mudahan Allah SWT meninggikan darjat kita di sisi-Nya sebagai hamba yang bertakwa. Mimbar ingin mengingatkan para jamaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara yang *lagha* (sia-sia) seperti berbual, bermain telefon atau tidur dengan sengaja kerana perbuatan tersebut boleh mengurangkan pahala solat Jumaat. Pada hari ini, mimbar akan menyampaikan khutbah yang bertajuk **“Bulan Safar: Memperkukuh Akidah, Memperteguh Ummah.”**

MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA,

Kini kita berada dalam bulan Safar, bulan kedua dalam kalendar Hijrah. Sebahagian masyarakat masih mewarisi pelbagai kepercayaan yang tidak bersumberkan syariat, antaranya menganggap bulan Safar sebagai bulan malang, bulan yang membawa bala, atau bulan yang tidak sesuai untuk bermusafir, bernikah, memulakan perniagaan dan pelbagai urusan penting. Malah, terdapat juga amalan tertentu yang dikaitkan dengan kononnya dapat menolak bala pada bulan Safar, sedangkan amalan tersebut tidak mempunyai sandaran yang sahih daripada al-Quran mahupun as-Sunnah. Islam datang untuk membebaskan manusia daripada belenggu khurafat dan tahyul. Aqidah seorang Muslim dibina atas keyakinan bahawa segala manfaat dan mudarat, untung dan rugi, sihat dan sakit, hidup dan mati, semuanya berada di bawah kekuasaan Allah SWT. Oleh sebab itu, Rasulullah SAW menolak kepercayaan jahiliah yang mengaitkan musibah pada bulan Safar. Baginda SAW bersabda:

لَا عَذْوَى وَلَا طَيْرَةٌ وَلَا هَامَةٌ وَلَا صَفَرٌ.

Maksudnya: *“Tidak ada penularan penyakit (dengan sendirinya), tidak benar adanya tiyarah (mengkaitkan nasib buruk dengan apa yang dilihat atau didengar), tidak benar adanya burung yang menunjukkan akan ada anggota keluarga yang mati, dan tidak benar beranggapan adanya nasib sial di bulan Safar.”* (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Imam al-Nawawi rahimahullah ketika mensyarahkan hadis ini menjelaskan bahawa Nabi SAW membatalkan kepercayaan masyarakat Arab Jahiliah yang menganggap bulan Safar membawa nasib buruk dan bala tertentu. Semua perkara berlaku hanyalah dengan izin dan ketentuan Allah SWT.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Walaupun Islam menolak kepercayaan bahawa Safar membawa malang, kita juga tidak boleh menafikan bahawa kehidupan pada hari ini penuh dengan pelbagai cabaran dan ujian. Kita berdepan dengan tekanan kos sara hidup, jenayah penipuan dalam talian yang semakin berleluasa, penyebaran berita palsu melalui media sosial, keruntuhan institusi keluarga, masalah kesihatan mental, penyalahgunaan dadah, keruntuhan akhlak generasi muda, serta konflik dan peperangan yang mengorbankan ribuan nyawa di pelbagai tempat di dunia. Namun demikian, segala musibah yang menimpa bukanlah berpunca daripada kehadiran bulan Safar. Sebaliknya, semua itu merupakan sebahagian daripada sunnatullah yang ditetapkan oleh Allah SWT sebagai menguji keimanan dan ketabahan manusia.

Justeru, apabila ditimpa sesuatu ujian, janganlah kita mencari punca disebabkan oleh bulan, hari atau tempat tertentu. Sebaliknya, kembalilah kepada Allah dengan memperbanyakkan taubat, doa, istighfar dan muhasabah diri.

JAMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI,

Cabaran yang lebih besar pada hari ini ialah krisis maklumat. Dengan hanya satu sentuhan pada telefon pintar, pelbagai maklumat tersebar dalam sekelip mata. Ada yang benar, namun tidak kurang juga yang palsu, dimanipulasi atau sengaja direka untuk menimbulkan ketakutan dan kekeliruan. Lebih membimbangkan apabila terdapat maklumat berkaitan agama yang disebarkan tanpa ilmu dan tanpa semakan teliti. Antaranya dakwaan bahawa terdapat hari-hari tertentu dalam bulan Safar yang pasti diturunkan bala, doa-doa yang dikatakan wajib dibaca pada hari tertentu untuk mengelakkan malapetaka, atau amalan-amalan yang

disandarkan kepada agama tanpa dalil yang sahih. Seorang Muslim dituntut agar tidak mudah menerima atau menyebarkan sesuatu berita tanpa penelitian. Firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat, ayat 6 sebagaimana yang telah diperdengarkan pada mukadimah khutbah sebentar tadi, **yang bermaksud:** *“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah kebenarannya supaya kamu tidak menimpakan sesuatu musibah kepada sesuatu kaum tanpa mengetahui keadaannya, yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatan itu.”*

Ayat ini mengajar kita supaya sentiasa *bertabayyun*, menyemak kesahihan sesuatu berita sebelum mempercayai atau menyebarkannya. Sikap tergesa-gesa dalam menerima maklumat bukan sahaja boleh merosakkan hubungan sesama manusia, malah boleh mencemarkan kesucian agama.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Dalam menghadapi cabaran zaman, umat Islam memerlukan tiga kekuatan utama, iaitu:

Pertama, kekuatan akidah, iaitu keyakinan bahawa segala yang berlaku adalah di bawah tadbir Allah SWT. Tidak ada kuasa yang mampu memberi manfaat atau mudarat melainkan dengan izin-Nya.

Kedua, kekuatan ilmu, agar kita tidak mudah dipengaruhi fahaman songsang, berita palsu dan ajaran yang menyimpang daripada al-Quran dan al-Sunnah.

Ketiga, kekuatan ukhuwah, kerana umat yang bersatu lebih mampu menghadapi segala cabaran berbanding umat yang saling bermusuhan

dan berpecah-belah sepertimana dalam firman Allah SWT melalui surah ali-'Imran, ayat 103:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا... ﴿١٠٣﴾

Maksudnya: “Dan berpegang teguhlah kamu semuanya kepada agama Allah dan janganlah kamu berpecah-belah... .”

SIDANG JAMAAH JUMAAT YANG DIREDHAI ALLAH SWT,

Marilah kita menjadikan bulan Safar sebagai peluang untuk memperbaharui keimanan, memperbetulkan kefahaman agama dan memperkukuhkan pergantungan kepada Allah SWT. Janganlah kita menjadi umat yang mudah percaya kepada khurafat, tetapi jadilah umat yang membina kehidupan berasaskan ilmu, dalil dan keyakinan yang benar. Semoga Allah SWT memelihara kita, keluarga kita, negeri Sabah yang kita cintai, dan seluruh negara daripada segala bentuk fitnah, perpecahan serta bencana, serta mengurniakan kepada kita kekuatan iman untuk menghadapi segala cabaran zaman.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَهَ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي فَاذُوك بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَعَلَى فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوْتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, bantulah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah Palestin dan di setiap tempat. Ya Allah, jadilah Engkau Pelindung Penolong dan Penyokong mereka. Ya Allah, timpakanlah kekuasaan-Mu ke atas orang-orang zalim dan goncangkanlah bumi di bawah kaki.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami dengan Rahmat-Mu. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang terkeji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkar. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap *tabayyun* serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Qadiyal hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjamaah di masjid-masjid, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Ya Allah jadikan jamaah solat fardhu kami sama seperti jamaah Jumaat pada hari ini. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua, Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah, ampunkanlah dosa kami dan dosa kedua ibu bapa kami. Peliharalah institusi kekeluargaan kami agar dipenuhi dengan *sakinah*, *mawaddah*, dan *rahmah*. Jadikanlah rumah tangga kami madrasah iman dan takwa bagi anak-anak kami.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُ لَعَنُكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedarkan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Nota:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.
Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi:

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

No. telefon: 088-522127

E-mel: jheains.penerbitan@gmail.com